



## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN EKSPLORASI NEGARAWAN #klikdijari

**KUALA LUMPUR :** 10 November 2021 – YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia hari ini merasmikan majlis pelancaran Eksplorasai Negarawan #klikdijari. Eksplorasai Negarawan #klikdijari merupakan projek yang dibangunkan oleh Arkib Negara Malaysia yang melibatkan Memorial Tun Abdul Razak (MTAR), Memorial Tun Hussein Onn (MTHO), Memorial Negarawan (MN), Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan (MPK), Memorial Tun Abdul Ghafar Baba (MTAGB) dan Pustaka Peringatan P. Ramlee (PPPR) yang disenggara dan dikendali oleh Arkib Negara Malaysia (ARKIB). Selain dikenali sebagai Eksplorasai Negarawan #klikdijari projek ini juga dikenali sebagai Projek Galeri Maya (Virtual Tour).

Pelaksanaan projek ini mula dilaksanakan dari 16 Ogos 2021 hingga 15 Oktober 2021 (2 bulan). Pelaksanaan projek seumpama ini adalah selaras dengan Revolusi Industri 4.0 dan Teras Strategi 3, Mengadaptasi Teknologi Digital di bawah Pelan Strategik MOTAC 2021 – 2025 untuk memperkasa ekosistem pelancongan dan kebudayaan pintar produk yang disenggara dan dikendali oleh Arkib Negara Malaysia. Jika dahulu lawatan secara fizikal merupakan acara sinonim dengan pelawat-pelawat yang mengunjungi memorial, rumah kelahiran tokoh dan lain-lain lagi namun semenjak dunia dilanda dengan pandemik Covid-19 pada tahun 2020 dan 2021, lawatan secara fizikal mula diolah dengan lebih kreatif lagi maka munculkan idea Eksplorasai Negarawan #klikdijari atau Galeri Maya (Virtual Tour). Pandemik ini memberi kesan langsung kepada Arkib Memorial di bawah kendalian Arkib Negara apabila aktiviti yang berkait dengan sektor pelancongan terpaksa ditutup kepada pelawat buat sementara waktu. Penutupan institusi ini sedikit sebanyak telah menjaskan kelancaran program dan aktiviti yang telah dirancang sebelum ini.

Lawatan secara maya ini adalah salah satu produk dan perkhidmatan yang dapat memberi impak dalam memperkasa ekosistem pelancongan dan kebudayaan pintar melalui *archives tourism* oleh Arkib Negara Malaysia. Melalui teknologi ini, pengunjung masih dapat melawat Arkib Memorial milik Arkib Negara Malaysia di hujung jari tanpa perlu dibatasi oleh SOP lawatan secara fizikal.

Produk dan perkhidmatan ini dapat memperkasakan program pelancongan dan kebudayaan ke arah pengukuhan jati diri bangsa. Pemahaman mengenai tokoh-tokoh Negarawan dalam perjuangan mereka ke arah kemerdekaan negara dan Penubuhan Malaysia dapat memberi kesedaran kepada generasi muda dan masyarakat. Adalah diharapkan juga pembangunan produk perkhidmatan lawatan galeri maya ini tidak terhenti kepada enam (6) Arkib Memorial sahaja bahkan perlu dilaksanakan juga kepada baki lima (5) buah lagi Arkib Memorial yang lain iaitu Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Galeria Seri Perdana, Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Rumah Merdeka serta Rumah Kelahiran P. Ramlee. Ini merupakan perancangan pada masa hadapan Arkib Negara Malaysia bagi memastikan Arkib Negara Malaysia serta memorial yang berada dibawah pengurusannya terus relevan dan seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi moden dan pintar.

Arkib Negara Malaysia menjangkakan galeri maya ini akan mendapat sambutan yang mengalakkan terutamanya kepada pelajar-pelajar sekolah, kolej dan universiti selain peminat sejarah yang menantikan platfom baru dalam mempersemprehankan sejarah negara kepada dunia luar terutamanya di alam maya.

---

## **ARKIB NEGARA MALAYSIA**

### **10 NOVEMBER 2021**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -  
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi  
Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim  
50568 Kuala Lumpur  
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674  
Faks: 03-6201 5679  
Emel: pro@arkib.gov.my